

Bersukan kaedah terbaik jamin kesihatan

KUALA LUMPUR 24 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyeru kakitangan kerajaan supaya serius melibatkan diri dalam sukan yang bukan sahaja boleh meningkatkan produktiviti kerja harian tetapi juga dapat menjamin kesihatan mereka pada hari tua.

Perdana Menteri berkata, kakitangan kerajaan tidak boleh mengharapkan umur panjang sahaja tetapi sakit sentiasa dan mengharapkan orang lain untuk menjaga ketika tua.

"Kita mahu negara bukan sahaja maju dari segi ekonomi tetapi juga mempunyai rakyat yang bahagia dan sihat.

"Kebahagiaan tidak akan dapat dinikmati tanpa badan yang sihat," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Pesta Sukan Kementerian Kewangan ke-32 di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini hari ini.

Kejohanan lapan hari itu disertai

lapan pasukan termasuk Perbendaharaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kastam Diraja Malaysia.

Turut mengambil bahagian ialah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Sekuriti.

Sehubungan itu, Abdullah mengharapkan setiap acara sukan di bawah kementerian menjadi acara yang disambut baik oleh kakitangan kerajaan semua peringkat.